

14/09/2003

## Impak ghazal Sharifah Aini

Zul Husni Abdul Hamid

SELAMA tiga hari, bermula 5 September lalu, kelunakan irama ghazal membelah kesibukan kota, merentasi pelbagai lapisan khalayak dan generasi di seluruh negara apabila dimartabatkan dan diletakkan di tempat yang penuh gah, Istana Budaya.

Julung kali ghazal diletakkan di pentas paling berprestij seperti Istana Budaya. Namun, Konsert Simfoni Ghazal Johor Bersama Datuk Sharifah Aini memberi pengiktirafan kepada khazanah muzik tradisi untuk terus semarak dalam kehangatan arus kemodenan.

Konsert ini membuktikan irama tradisi berkemampuan menyentuh hati semua lapisan masyarakat jika diberi pendedahan yang betul. Ia berlangsung dalam suasana penuh gemilang dan konsert ini cukup istimewa kerana menggabungkan bakat muda sekecil enam tahun hinggalah primadona ghazal di Johor, SA Aishah yang berusia 72 tahun.

Lebih istimewa, konsert yang pada awalnya dijadualkan berlangsung selama tiga hari, dilanjutkan semalam lagi pada Isnin lalu sebagai tanda penghargaan dan penghormatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Usaha yang lahir hasil gagasan perancangan daripada Istana Budaya dan Yayasan Warisan Johor serta kerajaan Johor memartabatkan seni muzik tradisi yang menjadi teras kepada budaya Melayu.

Diharap usaha ini tidak terhenti setakat ini saja kerana negara kaya dengan khazanah muzik tradisi yang belum diteroka sepenuhnya.

Meletakkan Sharifah Aini sebagai teraju utama pada segmen kedua konsert itu, memberi lebih impak dalam usaha menyemarakkan seni muzik ghazal setanding irama lain. Konsert itu berlangsung dalam tempoh lebih tiga jam.

Dibahagikan kepada dua segmen persembahan, penyanyi tersohor ini mendendangkan hampir 20 lagu irama Melayu seperti ghazal, deli, asli, masri, zapin, joget, Melayu klasik dan gurindam.

Kelunakan suara Sharifah mengalun gemersik menerusi persembahan koleksi lagu ghazal seperti Seri Mersing, Sri Siantan, Sayang Musalmah, Pancaran Senja dan Jalak Lenteng. Hati lebih tersentuh apabila mendengar alunan lagu Disebut Jangan Dikenang Jangan - tribute kepada teman seperjuangannya, Allahyarham Datin Rafeah Buang.

Anak Johor itu terus membawa penonton menyusuri keindahan irama Melayu dengan lagu seperti Anak Dagang, Kain Songket, Seroja, Mustika Hati dan Joget Orang Berkasih. Alunan seperti Semalu Rindu, Empat Dara, Inang Baru, Awallah Dondang dan Lenggang Mak Limah bagaikan memberi lonjakan tenaga baru kepada lagu tradisi untuk terus dinikmati keindahannya.

Gemersik alunan suara Sharifah umpama luahan sanubari seorang anak seni kerdil yang mengorbankan hampir seluruh hayatnya demi meletakkan seni tanah air di mercu tertinggi dan bermaruah.

Konsert itu diperkukuhkan dengan set pentas yang canggih, memberikan satu dimensi baru dalam sebuah persembahan konsert etnik. Tidak keterlaluan jika dikatakan penonton pulang membawa kenangan yang cukup mempesonakan menerusi persembahan yang mempunyai acuan dan citra tersendiri.

Konsert malam itu diiringi 80 pemuzik termasuk pemuzik instrumen bertali daripada Orkestra Simfoni Kebangsaan dan pemuzik ghazal Johor. Kehadiran penyanyi popular seperti Rosiah Chik, Datin Orkid Abdullah dan Ramlah Ram terus memperkasakan ghazal di tengah irama moden menguasai aliran muzik semasa.

Rosiah tampil cukup bertenaga dengan lagu Embun Di Hujung Rumput, manakala Orkid Abdullah jelas terserlah menerusi lagu popularnya, Penawar Rindu. Kewibawaan Ramlah menerusi lagu Air Mata Hati membuktikan kecemerlangan penyanyi ini dalam menghayati lagu tradisional.

Terselit rasa kagum dengan persembahan penyanyi ghazal veteran, SA Aishah yang menari jaipong menerusi lagu ghazal-jawa, Puteri Ledang. Nyanyian Hazlifhadiyahana Rosli dan Sabihah Abdul Wahid dari kumpulan Ghazal Remaja dengan lagu Sri Mahligai dan Kuala Mersing bagaikan menjawab aspirasi penganjur yang ingin melihat ghazal dihargai dan dinikmati semua lapisan masyarakat.

Melihat kepada gemilang konsert malam itu, objektif untuk menyemarakkan seni muzik ghazal setanding irama lain dan menanam semangat jati diri menerusi irama tradisional jelas tercapai.